

SELASA, 15 SEPTEMBER 2015 @ 7:25 AM

## Jerebu: USIM tangguh kuliah hari ini

Tweet 189

Like Share 6k

G+1 0



NILAI: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menangguhkan sesi pengajaran dan pembelajaran di kampus Nilai di sini, hari ini, berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) kawasan Nilai yang melepasi 200.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) USIM, Profesor Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan, berkata keputusan itu diambil kerana kualiti udara telah mencapai paras yang sangat tidak sihat.

Beliau berkata, sesi pengajaran perlu diganti semula pada masa yang bersesuaian.

"Sesi pengajaran dan pembelajaran di kampus Nilai USIM akan berjalan seperti biasa pada Khamis ini, iaitu selepas cuti Hari Malaysia) sehingga satu ketetapan rasmi dikeluarkan oleh pihak pengurusan universiti," katanya dalam satu kenyataannya di sini, hari ini.

Bacaan IPU di Nilai mencecah 200 jam 12 tengah malam tadi, tetapi mencatatkan penurunan kepada 181 pada jam 6 pagi tadi.

Dr Hassan Basri berkata, semua kakitangan dan pelajar juga perlu mengambil langkah pencegahan bagi mengelakkan sebarang gangguan kesihatan akibat jerebu seperti mengurangkan aktiviti luar, memakai topeng muka dan mengambil air minuman yang mencukupi.